

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HJ MOHD ANUAR TAHIR
[TEMERLOH]**

SOALAN

DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [TEMERLOH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :

- (a) apakah status NRW bagi setiap negeri; dan
- (b) kemajuan penggantian paip lama (seperti asbestos cement) kepada paip jenis baharu dan kes kecurian air (komersial dan domestik).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Status NRW Di Malaysia

1. Pada keseluruhannya, pencapaian *Non-Revenue Water* (NRW) di Malaysia pada tahun 2019 adalah sebanyak 35.6% dan sehingga Mac 2020 pencapaian adalah sebanyak 36.8%. Peratusan NRW setiap negeri adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Air Tidak Terhasil - NRW (%)													
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	Jan-Mac 2020	Jan-Jun 2020
1	Johor	31.3	31.9	29.9	29.2	27.8	26.4	25.9	25.6	26.0	24.7	24.8	24.9	26.6	27.1
2	Kedah	45.0	45.0	45.0	47.8	50.6	50.9	46.1	46.7	46.8	47.5	48.5	48.5	48.5	48.0
3	Kelantan	49.4	48.3	52.4	55.7	53.9	53.1	49.4	49.1	49.5	49.5	49.3	50.8	52.6	51.3
4	Labuan	33.2	25.8	24.9	22.0	20.4	25.9	30.4	31.0	30.6	32.4	31.1	29.8	37.3	36.2
5	Melaka	30.1	29.7	26.0	25.1	23.8	22.1	21.3	19.3	19.0	19.5	21.3	21.2	23.5	25.0
6	Negeri Sembilan	50.5	49.2	43.4	44.6	40.4	36.3	36.0	34.9	32.7	32.6	31.9	31.9	39.4	31.8
7	Pahang	52.9	59.9	55.3	56.2	54.2	52.7	53.1	52.8	47.9	47.5	49.1	47.4	54.2	50.1
8	Perak	31.2	30.7	29.4	30.4	30.1	30.4	30.6	30.3	30.5	31.0	30.4	29.5	29.8	30.7
9	Perlis	41.7	44.7	51.3	59.8	66.4	62.4	56.0	56.4	60.5	63.2	63.9	63.3	64.4	64.1
10	Pulau Pinang	16.9	19.1	18.2	18.4	17.6	18.2	18.3	19.8	21.5	21.9	21.7	22.9	21.3	23.8
11	Sabah	55.7	49.4	57.4	50.9	49.9	53.2	51.8	55.1	52.0	53.8	52.5	53.1	59.4	Na
12	Sarawak	29.4	29.5	29.0	30.5	29.4	31.3	32.0	33.3	36.0	37.8	43.1	43.0	38.3	Na
13	Selangor	34.0	32.5	32.4	32.3	33.1	34.5	33.6	32.0	32.2	31.5	31.7	29.6	29.9	28.2
14	Terengganu	38.0	37.9	39.4	37.0	36.8	33.8	31.0	31.1	29.9	30.3	34.6	34.7	36.5	35.4
	Sem. Malaysia & W.P Labuan	36.2	36.3	35.4	36.1	35.9	35.7	34.5	33.9	33.6	33.4	33.9	33.2	34.8	33.6
	Malaysia	36.9	36.6	36.3	36.7	36.4	36.6	35.7	35.5	35.2	35.3	36.2	35.6	36.8	

b) Kemajuan Penggantian Paip Lama

2. Sehingga 2019, dianggarkan jumlah paip-paip lama jenis Asbestos Cement (AC) yang masih ada di Malaysia adalah sebanyak 42,601 km iaitu melebihi 30% daripada keseluruhan sistem perpaipan. Ia merupakan salah satu punca utama kehilangan air kerana paip – paip ini senang bocor atau pecah kerana telah melepasi jangka hayat operasi. Paip – paip ini perlu diganti secara berperingkat dan berterusan sekurang – kurangnya 2% setahun. Aktiviti ini memerlukan peruntukan kewangan yang besar dan tidak mampu dibiayai sepenuhnya oleh operator air.

3. Bagi negeri-negeri yang telah memuktamadkan penstrukturan semula industri bekalan air, CAPEX disediakan oleh Pengurusan Aset Air Bhd. (PAAB) berdasarkan pendekatan model *'build and lease'*. Sehingga September 2020, PAAB telah menganugerahkan projek bernilai RM861.8 juta untuk tujuan ini bagi lima (5) negeri yang telah berhijrah ke rejim PAAB iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan dan Perak.

4. Manakala, bagi negeri-negeri yang tidak mendapatkan pembiayaan daripada PAAB, peruntukan bagi kerja-kerja penggantian paip dibuat dengan menggunakan pembiayaan dalaman, pinjaman persekutuan, kerajaan negeri dan sebagainya.

5. Kecurian air juga merupakan salah satu punca yang menyumbang kepada peningkatan NRW di bawah komponen kehilangan komersial. Namun begitu, berdasarkan rekod yang diperolehi dianggarkan kadar kecurian air adalah kurang daripada 3% berbanding keseluruhan bekalan air di Malaysia. SPAN bersama-sama dengan operator air telah melaksanakan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang disyaki menjalankan kegiatan mencuri air. Sehingga kini terdapat 550 kes yang telah disiasat dan 66 kes lagi telah dijatuhkan hukum.

Sekian. Terima kasih.